



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**VISUALISASI EFEK DAUN DALAM MIKROSKOP MELALUI
TEKNIK *SLIP TRAILING***

NURSYAFIQA BINTI MAMAT HANAFIAH

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Seni Halus)
2018**

**VISUALISASI EFEK DAUN DALAM MIKROSKOP MELALUI TEKNIK *SLIP*
*TRAILING***

NURSYAFIQA BINTI MAMAT HANAFIAH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of2018.

Student's Declaration:

I, **NURSYAFIQA BINTI MAMAT HANAFIAH (53397)** from **FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled ***VISUALISASI EFEK DAUD DALAM MIKROSKOP MELALUI TEKNIK SLIP TRAILING*** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NURSYAFIQA BINTI MAMAT HANAFIAH (53397)

Supervisor's Declaration:

I **PN. ENDANG LESTARI** hereby certifies that the work entitled ***VISUALISASI EFEK DAUD DALAM MIKROSKOP MELALUI TEKNIK SLIP TRAILING*** was prepared by the above named student, and was submitted to the **FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** as a full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____
(PN. ENDANG LESTARI)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

**LOT 762 JALAN ENGKU MUDA
SYED DAUD KAMPUNG REPEK
17070 PASIR MAS KELANTAN.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Adalah ini diakui bahawa saya **Nursyafiqah Binti Mamat Hanafiah** disertai penulisan yang bertajuk **Visualisasi Efek Daun Dalam Mikroskop Melalui Teknik Slip Trailing** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**). Saya mengaku bahawa tiada bahagian dalam penyelidikan ini telah digunakan sebagai sokongan untuk sesuatu ijazah atau mana-mana kedudukan, sama ada kepada universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain.

Disediakan oleh:

NURSYAFIQA BINTI MAMAT HANAFIAH

Tarikh:

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Visualisasi Efek Daun Dalam Mikroskop Melalui Teknik Slip Trailing** telah disediakan oleh **Nursyafiqa Binti Mamat Hanafiah** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima dan diperiksa oleh:

(PN. ENDANG LESTARI)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menyiapkan penulisan in dengan sempurna seperti mana yang diinginkan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah selaku penyelia pertama saya iaitu Pn.Endang Lestari dan setinggi-tinggi penghargaan juga buat semua pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif kerana telah banyak mengorbankan masa dan memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Ucapan terima kasih ini juga ingin saya tujukan kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membakar semangat dalam mengharungi perjuangan dalam menempuh suka duka sebagai seorang anak seni hanya Allah yang dapat membalas budi dan jasa kalian selama saya belajar di UNIMAS.

Akhir sekali, buat insan tersayang iaitu ayahanda Mamat Hanafiah Bin Ibrahim, bonda Zaharah Binti Hassan dan adik-adik yang tersayang kerana sentiasa memberi dorongan serta semangat sepanjang pengajian saya di sini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama memberi bantuan semasa penyelidikan ini dijalankan. Tanpa mereka, penulisan ilmiah ini tidak akan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Terima kasih tidak terhingga kepada semua yang membantu, semoga kita akan sentiasa dirahmati-Nya

Wassalam.

SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Borang pengesahan status laporan.....	i - ii
Pengakuan.....	iii
Pengesahan.....	iv
Senarai kandungan.....	vi - x
Abstrak.....	xi
Abstract.....	xii

BAB 1

PENGENALAN

1.0	Pendahuluan.....	1 - 4
1.1	Latar belakang kajian.....	4 - 6
1.2	Permasalahan kajian.....	6 – 8
1.3	Objektif kajian.....	8
	1.3.1 objektif umum.....	8
	1.3.2 objektif khusus.....	8 - 9
1.4	Persoalan kajian.....	9
1.5	Kepentingan kajian	9
1.6	Andaian.....	10
1.7	Skop kajian.....	10
1.8	Kesimpulan.....	11

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan.....	12
2.1	Maksud eksplorasi.....	13 - 14

2.2	Maksud seramik.....	15 – 16
2.3	Seni kontemporeri.....	18 – 20
2.4	Slip trailing.....	21 - 26
2.5	Rujukan.....	26
	1) buku rujukan.....	26 – 27
2.6	Kesimpulan.....	28 - 29

BAB 3

METODOLOGI

3.0	Pendahuluan.....	29 - 30
3.1	Reka bentuk kajian.....	30
	3.1.1 pengumpulan data primer.....	30
	1) eksperimentasi.....	31
	2) pemerhatian.....	31 - 32
	3.1.2 pengumpulan data sekunder.....	32
	1) buku rujukan.....	32 - 33
	2) rujukan internet.....	34
3.2	Kesimpulan.....	35

BAB 4

RUJUKAN APLIKASI PENDEKATAN DAN TEKNIK

4.0	Pendahuluan.....	36
4.1	Kajian teknik dan pendekatan terhadap slip trailing.....	37 - 38
4.2	Kajian terhadap teknik dan pendekatan dalam eksperimen glazes.....	39 - 40
4.3	Kajian terhadap teknik dan pendekatan terhadap karya artis rujuka.....	40 - 42
4.4	Kesimpulan.....	42

BAB 5
RUMUSAN AKHIR

5.0	Penyertaan karya akhir.....	43 - 44
5.1	Pendekatan penghasilan karya.....	44
5.2	Proses penghasilan karya akhir.....	44 - 55
5.3	kesimpulan.....	56
	Rujukan.....	57 - 58
	Rujukan buku.....	58 - 59
	Rujukan internet.....	59 – 60

GAMBAR RAJAH

Fig 1: Prof Madya Faridah Mohd Yusoff “ <i>Untitled</i> ” Porselin (2006).....	17
Fig 2: Prof Madya Faridah Mohd Yusoff “ <i>Fluctuation IV</i> ”Porselin (2006).....	17
Fig 3: Inner tube, bulldog clip, cork, and ball-point pen.....	23
Fig 4: Prof Madya Faridah Mohd Yusof “ <i>Natural Architecture</i> ’ (2004).....	25
Fig 5: Prof Madya Faridah Mohd Yusof” <i>Untitled</i> “porselin (2006).....	37
Fig 6: Prof Madya Faridah Mohd Yusof” <i>Modular</i> ”porselin (2006).....	38
Fig 7: Tsehai Johnson “ <i>Exploding Carpet</i> ” Porselin, slip (2007).....	39
Fig 8: Prof Madya Faridah Mohd Yusof” <i>Formation X</i> ” porselin (2006).....	39
Fig 9: Dr. Shamsu Mohamad “ <i>Bio-city</i> ”porselin (2005).....	39
Fig 10: Mark Doolittle” <i>Rainbow</i> ”carving (2017).....	40
Fig 11: Mark Doolittle: “ <i>Seascape</i> ” carving (2017).....	41
Fig 12: Gambar peralatan mikroskop yang diguna pakai oleh pengkarya.....	45
Fig 13: Gambaran Proses Untuk Melihat Potongan Daun Melalui Mikroskop.....	46
Fig 14: Gambaran Bentuk Daun Yang Telah Dilihat Melalui Mikroskop.....	47
Fig 15: Gambaran Proses Penghasilan Tanah Cecair Untuk Penghasilan Slip.....	48
Fig 16: Gambaran Pembentukan Karya Menggunakan Teknik Slip Trailing.....	49
Fig 17: Gambaran Penghasilan Karya Berbentuk Abstrak Hasil Potongan Daun.....	50
Fig 18: Gambaran Penghasilan Karya Selepas Proses Pembakaran.....	51 – 50
Fig 19: Gambaran Penghasilan Karya Menggunakan Warna Glazes.....	53
Fig 20: Gambaran Proses Kekemasan dan Kedudukan Karya Akhir.....	54 – 55
Fig 21: Karya Pengkaji “ <i>Vascular</i> ”seramik glazes (2018).....	55

LAMPIRAN

Fig 22: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#1</i> ”seramik glazes (2018).....	60
Fig 23:Karya Pengkaji “ <i>Vascular#2</i> ”seramik glazes (2018).....	60
Fig 24: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#3</i> ”seramik glazes (2018).....	61
Fig 25: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#4</i> ”seramik glazes (2018).....	61
Fig 26: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#5</i> ”seramik glazes (2018).....	62
Fig 27: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#6</i> ”seramik glazes (2018).....	62
Fig 28: Karya Pengkaji “ <i>Vascular #7</i> ”seramik glazes (2018).....	63
Fig 29: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#8</i> ”seramik glazes (2018).....	63
Fig 30: Karya Pengkaji “ <i>Vascular#9</i> ”seramik glazes (2018).....	64
Fig 31: Karya Pengkaji “ <i>Vascular</i> ”seramik glazes (2018).....	64
Fig 32: Gambar pengkarya bersama dengan supervisor Pn Endang Lestari.....	65
Fig 33: Gambar pengkarya bersama dengan pensyarah luar En. Nasir.....	65
Fig 34: Gambar kedatangan pengunjung ketika pameran (CIPTA) 2018.....	66
Fig 35: Gambar kedatangan pengunjung ketika pameran (CIPTA) 2018.....	66

ABSTRAK

Kajian penulisan ilmiah ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan kajian yang telah dilakukan terhadap teknik *slip trailing* dalam bentuk abstrak yang diolah melalui potongan daun yang dilihat menggunakan mikroskop. Kajian ini akan menerangkan bagaimana mengeksplorasi penggunaan slip dalam penghasilan seramik kontemporari. Pengkaji juga akan mengkaji dan mencuba memahami cara penghasilan dan efek yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam penghasilan seramik yang menggunakan teknik *slip trailing* dengan teliti supaya menjadi keras dan mengelakkan berlaku tumpuhan. Cara pengaplikasian yang berkesan akan mempengaruhi keberkesanan dan kreativiti sesuatu hasil karya akhir agar teknik yang diaplikasikan akan menjadi suatu karya yang akan menarik perhatian audien. Selain itu, teori yang diambil berkenaan dengan teknik yang digunakan untuk diaplikasikan akan diterangkan dengan lebih lanjut dan menyeluruh berkenaan masalah kajian. Melalui kajian yang dijalankan pengkaji dapat mengetahui dengan lebih mendalam bagaimana cara mengaplikasikan teknik *slip trailing* dalam seramik kontemporari. Penghasilan seni seramik dalam kontemporari dizahirkan mengikut kepakaran dan kreativiti dalam sesebuah karya. Namun di akhir kajian tersebut pengkaji menekankan bagaimana teknologi dapat membantu untuk menghasilkan karya agar lebih menarik dengan mempunyai nilai dan makna dalam karya tersebut.

KATA KUNCI:

Teknik Slip Trailing, Efek Mikroskop, Seramik Kontemporari.

ABSTRACT

This scientific writing study is aimed at documenting the studies that have been done on trailing slip technique in the form of abstracts that are processed through leaf cuts that are viewed using a microscope. This study will explain how to explore the use of slips in the production of contemporary ceramics. Researchers will also study and try to understand how appropriate production and effects are applied to the production of ceramics using the technique of trailing slip carefully so that it becomes hard and avoids filling. Effective application will influence the effectiveness and creativity of an end result so that the applied techniques will be a work that will attract the attention of the audience. Additionally, the theories taken with regard to the techniques used to apply will be further and thoroughly explained regarding the study problem. Through research conducted by researcher can know more about how to apply trailing technique in contemporary ceramics. The production of ceramics in contemporary art is based on the expertise and creativity of a work. But at the end of the study the researcher emphasized how technology can help to produce the work to be more appealing by having the value and meaning in the work.

KEYWORDS:

Slip Trailing Technique, Microscope Effect, Ceramic Contemporary.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Menurut penulis John Mathieson (2010) beliau telah menerangkan pada abad ke-17 kita telah menyaksikan kebangkitan *slip trailing* yang sangat popular yang telah digunakan di seluruh negara terutama di selatan Perancis dan kebanyakan di negara Eropah untuk membuat hiasan dekorasi dalam pelbagai bentuk. Hal ini bertujuan untuk memberi kelainan serta kesempurnaan pada sesebuah karya itu sendiri dengan pelbagai lapisan, medium serta teknik yang menarik untuk dijadikan dekorasi pada barang hiasan menggunakan beberapa jenis slip seperti slip casting, slipware dan slip trailing. Pengkarya mengetengahkan penghasilan slip kerana mempunyai keunikan yang tersendiri yang mampu memberi kesan yang menarik terhadap sesebuah karya kontemporari pada masa kini. Antara hiasan dekorasi yang telah dikaji adalah jenis *slip trailing* yang boleh dijadikan dalam pelbagai bentuk abstrak seperti painting, seramik dan sebagainya. Di samping itu, sebahagian teknik yang akan dihasilkan untuk diaplikasikan ke atas karya seramik adalah dalam bentuk abstrak hasil daripada potongan daun yang dilihat melalui mikroskop dengan menggunakan teknik *slip trailing* sebagai medium utama untuk kajian pengkarya.

‘...Slip is simply clay with sufficient water added to convert it from a solid to liquid. Slip can be applied to clay in any way that works for you. There are no rules or prohibitions, and you may discover original technique for yourself...’

(Mathieson 2010)

Di samping itu, John Mathieson (2010) turut menambahkan bahawa slip kekal sebagai medium penting untuk hiasan. Slip merupakan tanah biasa yang dicampur dengan air daripada pepejal kepada cecair. Slip juga boleh diaplikasikan pada mana-mana tanah liat dan tidak mempunyai peraturan yang khusus untuk mengubah teknik asal kerana ia akan mempengaruhi kepada kepelbagaian bentuk, ketahanan dan kekukuhan slip tersebut. Pengkaji menunjukkan bahawa ketebalan penggunaan tanah liat untuk membuat dinding adalah sangat sesuai digunakan untuk memastikan bentuk jaringan yang dibuat melalui potongan daun kekal sebagai kekuatan untuk mengelakkan slip tersebut hancur dan retak dalam menghasilkan karya yang menarik.

Di samping itu, melalui definisi yang diterangkan oleh penulis adalah mengenalpasti beberapa isu yang berkaitan dengan kaedah hiasan yang telah dihidupkan semula pada tahun 1930an dan 1950an. Kesannya tekstur slip dari keadaan cecair menjadi keras dengan cara melembapkan tanah liat. Penggunaan picagari seperti tiub getah yang mempunyai muncung yang lebar memudahkan slip tersebut tidak mudah tersumbat kerana slip terdiri daripada zarah-zarah yang halus.

Justeru itu, pengkaji memilih subjek potongan daun sebagai medium penggabungan corak hasil penggunaan *slip trailing* adalah kerana sesuai dengan keadaan kawasan bornea Sarawak yang kaya dengan kawasan hutan yang terbesar di negara ini. Pengkaji mengambil beberapa langkah dalam penghasilan karya untuk memberi nilai mesej kepada audien tentang penggunaan slip melalui konsep kontemporari pada masa kini. Pengkaji menggunakan teknik dan penggunaan picagari getah untuk menghasilkan setiap lapisan

bentuk jaringan dan struktur daun yang dilihat melalui mikroskop menggunakan teknik *slip trailing* supaya dapat menghasilkan karya dalam pelbagai bentuk abstrak. Terdapat pelbagai teknik untuk menghasilkan bentuk jaringan halus yang melibatkan penggunaan slip trailing kepada penghasilan karya. Antara bentuk yang diketengahkan dalam karya tersebut adalah berdasarkan kepada jenis bentuk jaringan potongan daun yang dilihat melalui teknologi mikroskop untuk menghasilkan bentuk-bentuk abstrak yang menarik dan mempunyai kesan efek yang mendalam kepada audien dalam memahami penggunaan teknik *slip trailing* tersebut.

Seterusnya, slip yang digunakan oleh pengkarya telah digambarkan melalui dekorasi serta teknik berdasarkan kepada jenis-jenis bentuk potongan daun yang dilihat menggunakan mikroskop bagi mendapatkan kesan efek bentuk jaringan daun untuk diaplikasikan pada *slip trailing* tersebut. Pengkaji menggunakan konsep daun untuk memberi kefahaman yang lebih kepada audien mengenai kepentingan daun terhadap kehidupan manusia iaitu tumbuhan daun merupakan pembekal udara yang segar untuk manusia dan merupakan sumber makanan untuk manusia dan haiwan. Dengan cara tidak sengaja, audien akan mendapat mesej yang ingin disampaikan oleh pengkarya melalui penghasilan bentuk-bentuk abstrak. Dalam penyelidikan untuk mencari bentuk daun yang sesuai hasil menggunakan mikroskop sebagai alat teknologi pada zaman kini yang membantu mengenai kewujudan potensi teknologi untuk memberi kesan bentuk jaringan potongan daun yang sesuai khusus untuk penggunaan teknik *slip trailing* yang sesuai untuk dijadikan eksperimen mampu memberi kebaikan dan kepentingan kepada manusia dan alam sekitar.

Oleh yang demikian, potensi untuk penggabungan media teknologi menggunakan mikroskop dalam seni seramik amatlah sesuai dan diterima oleh masyarakat berdasarkan kepada dunia seni pada masa kini. Hal ini kerana, penggunaan *slip trailing* dengan gabungan media teknologi seperti mikroskop yang digunakan oleh pengkarya memberi pencerahan kepada audien tentang dunia seni seramik dalam konsep kontemporari.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada zaman kini, kita dapat lihat kebanyakan masyarakat lebih gemar menggunakan slip sebagai bahan utama di dalam penghasilan karya kerana menurut kajian yang dibuat berdasarkan kepada karya-karya yang telah dihasilkan kebanyakan slip hanya sebagai bahan kedua yang digunakan untuk sebagai bahan dekorasi hiasan yang telah dibuat. Sehubungan itu juga, masyarakat kurang memahami dengan teliti tentang jenis-jenis tanah, manfaat dan teknik yang haruslah digunakan untuk menghasilkan karya menggunakan teknik slip kerana menurut pandangan mereka teknik *slip trailing* sangat kurang kita lihat dalam era seni kontemporari yang menggabungkan dalam bidang lain seperti painting, foto dan sebagainya. Isu tentang penggunaan *slip trailing* telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian berkaitan dengan penggunaan *slip trailing* dalam seramik kontemporari dengan memperolehi maklumat berdasarkan kepada eksperimen yang bakal dilakukan dengan mengemukakan segala teknik, kesan dan cara penghasilan daripada sumber rujukan pembacaan serta eksperimen terhadap slip tersebut.

Selain itu, menurut Terry Smith (2009) konsep kontemporari adalah daripada bentuk tunggal dan neutral yang melambangkan pelbagai cara moden di dalam dan di luar masa secara berasingan dan serentak dengan orang lain dan tanpa perbezaan pada masa kini. Kontemporari lebih bermakna pada masa kini dan sudah tentu semua seni baru adalah palsu dan pada masa itu mungkin tidak pernah seni dibuat dengan meluas diluar jangka. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji berkenaan dengan pengaplikasian teknik slip menggunakan potongan daun yang digambarkan melalui media teknologi iaitu mikroskop untuk diaplikasikan dalam bentuk abstrak. Pengkaji juga mengkaji dengan lebih mendalam tentang definisi, teori dan cara pengaplikasi teknik dengan cara yang betul menggunakan teknik slip tersebut.

“.....Slip for trailing (e.g for lettering and for lines and dots) need to be thicker than for dipping; thick cream is the usual analogy. Experiment on newspaper at first, not on your precious work. Later when you have more confidence, try making your work looser by using a slip with thinner consistency.....”

(Mathieson 2010)

Mengapa perlu mengaplikasikan teknik trailing dalam penghasilan slip? Melalui kajian yang diperolehi oleh pengkaji kekukuhan dan keteguhan mampu memberi kesan yang menarik terhadap slip tersebut. Selain itu, pengkaji juga mendapati teknik *slip trailing* dalam penghasilan slip bukanlah perkara yang mudah ini kerana teknik ini akan menguji setiap kadar acuan yang dihasilkan untuk memastikan setiap kesamarataan kadar acuan tersebut akan memberi impak terhadap hasil karya. Di dalam penghasilan teknik *slip trailing* hendaklah menitikberatkan kadar nisbah yang dirumuskan selain

percampuran warna yang menarik hasil karya tersebut malah mengkaji bagaimana penyediaan slip tebal dan nipis supaya berada dalam keadaan sempurna dari hujung tiub supaya tiada udara yang dapat masuk ke dalam tiub. Oleh itu, pengkaji mencuba untuk mengkaji bahawa menggunakan teknik *slip trailing* melalui medium teknologi seperti mikroskop untuk melihat hasil potongan daun mampu memberi kesan kepada audien sekeliling tentang penggunaan teknologi dalam dunia seni seramik pada masa kini yang mempunyai kepentingan dan kebaikan dalam setiap kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk mendapat efek struktur jaringan yang dilihat untuk diaplikasikan terhadap karya bentuk abstrak.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Victoria & Michael Eden (1999) turut menyatakan eksplorasi *slip trailing* dalam bentuk abstrak seramik kontemporari jelas menunjukkan bahawa slip merupakan seni dekorasi tradisional yang digunakan oleh pengkarya sebagai kegunaan hiasaan. Slip trailing yang diaplikasikan pada karya tersebut telah digunakan untuk memperlihatkan kepada audien tentang penggunaan tanah cecair yang dijadikan eksperimen untuk menghasilkan sebuah karya yang utama. Sifat slip yang menarik dari cecair menjadi keras merupakan salah satu sebab *slip trailing* ini diaplikasikan dalam penghasilan karya yang berbentuk abstrak. Penghasilan bentuk jaringan potongan daun yang dilihat melalui mikroskop menggunakan teknik *slip trailing* telah memberi permukaan karya kelihatan lebih menarik. Bentuk corak tersebut boleh digunakan dalam bentuk lingkaran seperti coiling dan titisan. Tambahan pula untuk menghasilkan warna pada permukaan karya

yang dihasilkan sebagai warna latar belakang akan menonjol corak bentuk potongan daun yang dilihat melalui mikroskop menggunakan teknik *slip trailing* tersebut. Hal ini amat terbukti bahawa dengan menggunakan medium teknologi seperti mikroskop akan menghasilkan bentuk jaringan pada potongan daun secara spontan dan kelihatan lebih halus, organik serta menarik.

Selain itu, penulis juga menyatakan bahawa terdapat perkara yang perlu diketahui oleh pereka *slip trailing* iaitu menggabungkan dengan lapisan slip yang tebal kerana slip berair akan menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih sukar dan memerlukan kepakaran yang lebih tinggi untuk menghasilkan sesuatu karya. Oleh sebab itu, pengkaji terdorong untuk mengkaji tentang kepenggunaan yang merangkumi teknik, manfaat dan cara penghasilan serta permasalahan yang timbul dalam penghasilan karya. Menurut pendapat Shoji Hamadan (2010) aspek pengetahuan dari segi pengalaman serta kemahiran dalam mencuba idea sendiri dengan menggunakan teknik serta memahami cara dengan tidak membuat sebarang salinan untuk menghasilkan idea yang akan berkembang sendiri.

Tambahan pula, keistimewaan dan manfaat yang terhasil daripada bentuk jaringan potongan daun menggunakan teknologi mikroskop dalam menghasilkan karya teknik *slip trailing* adalah sangat menarik dan memberi galakan kepada generasi muda untuk mengeksplorasi teknik tersebut supaya dapat berkembang lebih maju dalam bidang seni kontemporari pada masa kini.

“...by the expression “contemporary art“ is meant all contemporary painting, sculpture, drawing, and visual art forms which is or are original creative or which strive to give expression to contemporary thought and life as apposed to work which is resctionary and retrogressive including work which has no other aim than representation...”

(Smith 2009)

Seni kontemporer merangkumi kesemua bentuk persembahan seni tidak mengira sama ada karya tersebut adalah karya asal mahupun karya yang telah dikembangkan menjadi lebih kreatif. Di samping merujuk pada karya yang mengekspresikan pemikiran kontemporer. Dalam kajian ini, pengkaji memilih bidang seramik untuk digabungkan dengan pendekatan lain seperti penggunaan media teknologi elektronik mikroskop untuk menepati ciri-ciri kontemporer agar tidak lagi terkongkong kepada medium yang lama dan lebih menonjolkan kepada elemen-elemen dalam baru bidang seramik.

Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetengahkan kembali salah satu karya yang boleh dipamerkan ke arah menjadi sebuah karya yang bersifat kontemporer serta tidak terikat dengan penggunaan seramik sahaja. Kajian awal mengesan permasalahan yang timbul adalah berkaitan dengan potensi *slip trailing* untuk pendekatan seni teknologi pada masa kini. Adakah terdapat potensi untuk menggabungkan slip tersebut? Bagaimana teknik-teknik yang ditonjolkan dalam penghasilan tersebut? Apakah kelebihan dalam menggabungkan slip tersebut untuk memberikan kekukuhan dan keteguhan pada sesebuah karya seramik yang dihasilkan. Segala permasalahan yang timbul akan dibincangkan melalui proses analisis terhadap karya artis yang dipilih.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif umum

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengvisualisasi efek daun dalam mikroskop melalui teknik *slip trailing* dalam penghasilan seramik kontemporari. Objektif-objektif tersebut ialah.

1.3.2 OBJEKTIF KHUSUS

1. Mengenalpasti definisi seni kontemporari dan teori yang berkaitan dengan teknik *slip trailing* bagi memahami isi kajian yang bakal dijalankan.
2. Menganalisis keberkesanan daun sehingga dapat diaplikasikan dalam *slip trailing*.
3. Menghasilkan sebuah karya seni yang mempunyai ciri-ciri kontemporari dengan memanfaatkan teknik *slip trailing*.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah yang didefinisikan sebagai teknik *slip trailing* yang digunakan dalam penghasilan karya?
2. Bagaimanakah potongan daun dapat mewujudkan kesan tekstur dalam penghasilan karya seramik kontemporari?
3. Bagaimanakah cara untuk menghasilkan sebuah karya seni yang mempunyai ciri-ciri kontemporari.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan untuk dijadikan sumber untuk menghargai sumber seni yang berunsurkan abstrak melalui *slip trailing* diantaranya ialah:

- Mendedahkan pengetahuan menggunakan pendekatan serta konsep yang betul berkaitan seni kontemporari kepada penggiat seni mahupun pelajar-pelajar yang mendalami ilmu seni seramik.
- Menyumbang inspirasi kepada penggiat-penggiat seni untuk menghasilkan sebuah karya yang lebih menarik dan bersifat kontemporari.
- Membantu para penyelidik mendapatkan maklumat tambahan seterusnya dapat membuat proses penambahbaikan terhadap topik yang dikaji untuk rujukan pada masa akan datang.

1.6 ANDAIAN

- Dapat memberi maklumat kepada generasi akan datang berkaitan dengan teknik penghasilan *slip trailing* dalam seramik kontemporari.
- Memartabatkan lagi penggunaan *slip trailing* dalam penghasilan karya yang berbentuk abstrak berteraskan konsep kontemporari.